

# Lima syarikat dalangi perlombongan bauksit haram

BH, 4/8/2017, MS, 6

→ Aktiviti dibuat waktu malam elak dikesan pihak berkuasa, orang ramai

Oleh Abdul Razak Raaff,  
Amin Ridzuan Ishak  
dan Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

■ Kuantan

Lima syarikat pelombongan termasuk yang diketuai seorang bergelar Datuk Seri, setakat ini dikesan mendalangi kegiatan melombong bauksit secara haram di Pahang serta menyogok pegawai penguat kuasa yang bertugas waktu malam.

Perlombongan haram dan pemindahan bauksit itu dibuat waktu malam bagi mengelak dikesan pihak berkuasa dan orang ramai, sekali gus mengeksploitasi moratorium yang dilaksanakan kerajaan sejak lebih setahun lalu.

Pengarah Bahagian Perisikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, berkata pihaknya sudah mengenal pasti syarikat perlombongan haram itu dan kini dalam usaha memanggil pengusahaannya bagi membantu siasatan.

“Setakat ini dua pengusaha su-

dah dipanggil memberi keterangan. Berdasarkan siasatan kita, ada sekurang-kurangnya lima syarikat yang terbabit.

## Mencuri bauksit

“Modus operandi mereka ialah mencuri bauksit dan dipindahkan daripada lombong haram pada waktu tengah malam. Pegawai penguat kuasa PTG yang bertugas pada syif malam tersebut didapati bersekongkol dengan membiarkan aktiviti mengangkat bauksit haram ini berjalan,” katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

Ahrmad Khusairi mengulas mengenai penahanan 10 penjawat awam termasuk seorang pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan sembilan Penolong Penguatkuasa Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang kerana disyaki bersekongkol dengan kegiatan perlombongan bauksit secara haram di Pahang sejak tengah malam kelmarin.

Susulan tangkapan itu juga, sembilan Penolong Penguat Kuasa Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pa-



**Anggota SPRM membawa sembilan kikitangan** Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Pahang yang dipercayai terbabit dalam kegiatan perlombongan bauksit secara haram di Kompleks Mahkamah Kuantan, semalam.

hang terbabit dikenakan dikenakan perintah tahanan reman mulai semalam kerana disyaki menerima rasuah untuk melindungi perlombongan bauksit secara haram di daerah ini.

Perintah reman tujuh hari sehingga 9 Ogos itu, dikeluarkan Majistret Tengku Eliana Tuan Kamruzaman, selepas menerima permohonan yang dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohamad Fadly Mohd Zamry.

Nilai rasuah diterima setiap suspek berusia di antara 29 hingga 59 tahun daripada perbuatan mereka melindungi kegiatan perlombongan bauksit secara haram serta penjualannya ke China menerusi Pelabuhan Kuantan itu, sedang dikenal pasti oleh SPRM menerusi siasatan yang berjalan.

Mohamad Fadly berkata, siasatan dibuat mengikut Seksyen 17(A) Akta SPMR 2009 yang sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama iaitu penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000, mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.



Setakat ini dua pengusaha sudah dipanggil memberi keterangan. Berdasarkan siasatan kita, ada sekurang-kurangnya lima syarikat yang terbabit”

**Ahmad Khusairi Yahaya,**  
Pengarah Bahagian Perisikan SPRM

## Geledah rumah 10 suspek

Sementara itu, BERNAMA melaporkan, SPRM dalam satu kenyataan semalam menyebut, agensi berkenaan menggeledah rumah 10 suspek dipercayai melindungi kegiatan perlombongan bauksit secara haram di daerah ini.

Ia turut merampas beberapa dokumen, termasuk penyata akaun bank suspek, iaitu seorang pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) dan sembilan penolong penguat kuasa Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang.

“SPRM juga sudah menghantar permohonan bagi menyekat sebarang pengambilalihan harta mengikut Seksyen 37(1) Akta SPRM 2009,” kata kenyataan itu.

Lokasi lain digeledah ialah Pejabat Pelabuhan Kuantan, Pejabat Kastam dan beberapa syarikat yang menyaksikan pelbagai dokumen termasuk dokumen eksport, komputer riba dan borang berkaitan kastam dirampas.

“Seramai 18 saksi termasuk pemandu lori, pengurus, penyelia syarikat dan kerani syarikat sudah diambil keterangan,” kata SPRM.

# Kastam nilai semula SOP penugasan pegawai

**Kuala Lumpur:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan menilai semula prosedur operasi standard (SOP) penugasan pegawainya bagi mengelak berulangnya perbuatan salah guna kuasa atau rasuah sehingga menjelaskan imej jabatan terbabit.


Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Subromaniam Tholasy, menegaskan jabatan itu mempunyai dasar yang ketat berhubung salah guna kuasa atau rasuah membabitkan pegawainya dan tindakan tegas termasuk buang kerja, boleh di-

ambil sekiranya terbukti bersalah.

“Baru-baru ini, polis menahan beberapa pegawai JKDM atas dakwaan bersekongkol dengan kumpulan kongsi gelap dan semalam (kelmarin), seorang lagi pegawai kita ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana terbabit dalam perlombongan bauksit secara haram di Pahang.

## JKDM pandang serius

“JKDM memandang serius isu integriti dalam pasukan dan tidak teragak-agak mengambil tindakan



Subromaniam Tholasy

tegas terhadap mana-mana pegawai atau anggota yang terbabit dalam kegiatan jenayah. Justeru, kita akan melihat semula SOP tugas setiap pegawai bagi mengelak perkara ini berlaku,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

BH semalam melaporkan SPRM menahan 10 kakitangan kerajaan, termasuk seorang pegawai kanan JKDM kerana disyaki bersekongkol dalam kegiatan perlombongan bauksit secara haram di Pahang.

Ada antara mereka ditahan kerana melindungi kegiatan pelom-

bongan haram, manakala yang lain membenarkan bahan mineral itu dieksport tanpa kebenaran.

Mengulas mengenai penahanan pegawai kanannya berhubung aktiviti bauksit, Subromaniam berkata, pihaknya memberi kerjasama penuh kepada SPRM, selain menjalankan siasatan dalam berhubung perkara itu.

“Saya tidak mahu mengulas perkara ini kerana masih menunggu siasatan selesai dan sekiranya terbukti pegawai terbabit bersalah, tindakan akan diambil,” katanya.

# Polis, APM awasi aktiviti kosongkan stok bauksit

BH · 4/8/2017, ms. 7



→ Kerjasama bersepadu diharap dapat tingkatkan keberkesanan penguatkuasaan

Oleh Rohaniza Idris, Abdul Razak Raaff, Amin Ridzuan Ishak, Ahmad Suhael Adnan dan Azzman Abdul Jamal  
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

**P**olis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) akan membantu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), memperketatkan kawalan serta pemantauan terhadap aktiviti mengosongkan stok simpanan bauksit sepanjang tempoh moratorium di Pahang.

Sejak moratorium dikuatkuasaan mulai 15 Januari 2016, pengawasan terhadap aktiviti pengosongan dan pemindahan kira-kira 5.4 juta tan stok simpanan dari kawasan Pelabuhan Kuantan dan sekitarnya (lombong dan korekan bauksit di Felda Bukit Goh) pada tahun lalu dibuat Jabatan Alam

Sekitar (JAS); Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata kerjasama bersepadu membabitkan PDRM dan APM menerusi gerakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) itu diharap dapat memperkuuh dan meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan, bagi mencegah perlombongan haram mineral terbabit.

**Agenzi main peranan penting**  
“Sepanjang tempoh moratorium sejak 15 Januari 2016, pelbagai agensi memainkan peranan penting mengawal dan memastikan aktiviti pemindahan bauksit dilaksanakan secara mampan. Hal ini

termasuklah menempatkan pegawai penguat kuasa di kawasan tumpuan utama aktiviti bauksit.

“Namun, berdasarkan pemerhatian dan pemantauan tentang kedudukan stok simpanan pada masa ini, kementerian percaya ada aktiviti pengorekan tanpa kelulusan dilakukan pada waktu malam. Kementerian memandang serius pelanggaran moratorium ini memandangkan ia adalah kesalahan berat dan akan membanteras aktiviti haram itu,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau mengulas laporan bongkar oleh BH kelmarin, yang mendedahkan perlombongan bauksit sekitar Kuantan, kini menggunakan khidmat tonto dalam meneruskan kegiatan perlombongan mineral itu dan berselindung di sebalik alasan mengeluarkan stok sedia ada, ketika moratorium dilaksanakan kerajaan.



Keratan akhbar BH semalam.

Wan Junaidi berkata, sejak penguatkuasaan moratorium, kerajaannya dan Kerajaan Pahang sudah melanjutkan tindakan itu beberapa kali termasuk yang terbaru akan berkuatkuasa sehingga 31 Disember tahun ini.

“Moratorium terhadap aktiviti perlombongan bauksit di Kuantan, bertujuan menangani isu alam sekitar seperti kekotoran jalan raya, pencemaran sungai dan laut serta kutipan royaliti oleh kerajaan negeri dan kegagalan pengusaha mengosongkan simpanan bauksit sedia ada di sekitar Kuantan.

## Keluar AP khas

“Bagi menangani isu pencemaran akibat bauksit sedia ada yang terdedah, kementerian mengeluarkan Lesen Eksport (AP) Khas yang bertujuan mengosongkan simpanan yang ada. Namun, pengorekan baharu adalah tidak dibenarkan dan aktiviti itu tertakluk kepada pengenaan moratorium,” katanya.

Beliau berkata, sejak moratorium dilaksanakan, banyak masalah diselesaikan dan penambahbaikan prosedur dibuat Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Katanya, langkah proaktif memberikan kesan positif apabila isu pencemaran, kebersihan dan keselamatan yang timbul akibat daripada aktiviti perlombongan bauksit dapat ditangani lebih berkesan.

Sepanjang tempoh moratorium sejak 15 Januari 2016, pelbagai agensi memainkan peranan penting mengawal dan memastikan aktiviti pemindahan bauksit dilaksanakan secara mampan. Hal ini termasuklah menempatkan pegawai penguat kuasa di kawasan tumpuan utama aktiviti bauksit”

**Wan Junaidi Tuanku Jaafar,**  
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar



# 6,000 anggota APM Pahang bantu pemantauan

**Kuantan:** Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang sedang mengerakkan lebih 6,000 anggotanya, bagi membantu pemantauan dan penguatkuasaan dalam usaha kerajaan menangani perlombongan bauksit haram sekitar daerah ini.

Pengaruh APM Pahang, Kol (PA) Zainal Yusoff, berkata pihaknya tidak masalah memberi kerjasama kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk melaksanakan tugas itu.

“Saya belum mendapat arahan rasmi daripada ibu pejabat berhubung perkara berkenaan tetapi bagi APM Pahang, kita sedia be-

kerjasama dengan kementerian untuk membuat pemantauan termasuk pada waktu malam.

## Bantu melaksanakan penguatkuasaan

“Kita akan membantu melaksanakan penguatkuasaan dan pemantauan seperti yang diminta selepas mendapat arahan rasmi daripada ibu pejabat. Kita mempunyai kekuatan 6,800 anggota berdaftar di seluruh daerah Kuantan, yang mencukupi jika diminta berbuat demikian,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Zainal mengulas kenyataan Menteri Sumber Asli dan Alam

## Fakta nombor

### 10 PENJAWAT

awam ditahan reman kerana disyaki bersekongkol dalam kegiatan perlombongan bauksit secara haram di Pahang

Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, bahawa kementeriannya akan meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap pelaksanaan moratorium dengan mendapatkan bantuan APM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

## Gerakan NBOS

Wan Junaidi berkata, semua agensi itu disatukan dalam gerakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dalam usaha memperkuuhkan penguatkuasaan secara bersepada supaya usaha menangani isu terbatit mampu dibuat segera dan berkesan.

BH dalam laporan muka depannya kelmarin, mendedahkan perlombongan bauksit di Kuantan, kembali melakukan kegiatan itu secara haram dengan berselindung di sebalik alasan mengeluarkan stok sedia ada, walaupun tempoh moratorium masih berkuat kuasa sehingga 31 Disember ini.

Susulan itu, 10 penjawat awam termasuk seorang pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan sembilan Penolong Penguatkuasa Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang ditahan reman kerana disyaki bersekongkol dalam kegiatan perlombongan bauksit secara haram di Pahang.